

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99
April 1999
HGT 111 - Teknik-Teknik Dalam Geografi
Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TUJUH [7] HALAMAN.

Jawab **SEMUA** soalan. Setiap soalan mengandungi 25 markah.

1. Berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia Siri L 7030, Bachok (Lembar 4068). Semua jawapan hendaklah berdasarkan bukti-bukti daripada peta sahaja.
 - [a] Bincangkan bagaimana faktor-faktor fizikal telah mempengaruhi kegiatan pertanian dan perikanan di seluruh kawasan peta tersebut.

[10 markah]
 - [b] Ukurkan panjangnya garis pantai dari K. Telong (PG947604) ke K. Nipah (PG910685). Berikan jawapan dalam kilometer.

[4 markah]
 - [c] Kirakan luas kawasan P. Layak (PG830815). Berikan jawapan anda dalam kilometer persegi.

[4 markah]
 - [d] Ukurkan bearing grid Bt Panchor (PG839617) dari Bt Kg Sering (PG855602).

[4 markah]
 - [e] Apakah kecerunan (dalam nisbah) di antara Bt Panchor (PG839617) dengan Kg Temalong Ulu (PG834601)?

[3 markah]

- 2 [a] Secara ringkas, bincangkan faktor-faktor yang perlu diambil perhatian apabila memilih stesen-stesen kaji ukur dalam sesuatu survei kompas.

[10 markah]

- [b] Berdasarkan Rajah 1, jelaskan bagaimana keletakan jarak PQ dalam liku Sungai Ular dapat diukur jika hanya terdapat peralatan ukur rantai sahaja.

[5 markah]

- (c) Jadual 1 di bawah menunjukkan cerapan bearing untuk sesuatu kerja ukur kompas. Betulkan bearing-bearing cerapan supaya ianya bebas daripada kesan tarikan tempatan.

Jadual 1

<u>Stesen</u>	<u>Bearing Cerapan</u>
AB	58° 30'
BA	238° 30'
BC	135° 00'
CB	314° 30'
CD	251° 00'
DC	72° 00'
DA	339° 30'
AD	159° 00'

[5 markah]

- [d] Berdasarkan Rajah 2, terangkan (dengan menulis dan melukis di atas rajah tersebut), bagaimana rumah api X dan rumah api Y dapat ditentukan melalui ukur kompas.

[5 markah]

- 3 [a] Berdasarkan data-data dalam Jadual 2, gunakan kaedah lorekan untuk memetakan data-data tersebut di atas Rajah 3.

[12.5 markah]

[b] Jadual 3 menunjukkan taburan Pendapatan Purata Isirumah di Beberapa Negeri Terpilih di Malaysia. Pilih satu kaedah kartografi yang sesuai untuk mempamerkan data-data tersebut dalam gambarajah.

[12.5 markah]

Jadual 2 (Untuk Soalan 3 [a]): Bilangan Penduduk Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia 1995 (Dari Rancangan Malaysia Ke Tujuh).

Negeri	Bilangan (Dalam Ribu)
Johor	2,443.8
Kedah	1,482.1
Kelantan	1,376.1
Melaka	571.0
Negeri Sembilan	785.6
Pahang	1,189.6
Perak	2,072.0
Perlis	209.1
Pulau Pinang	1,197.8
Selangor	2,822.4
Terengganu	922.1
Wilayah Persekutuan	1,343.5

Jadual 3 (Untuk Soalan 3 [b]): Taburan Pendapatan Purata Isirumah di Beberapa Negeri Terpilih di Malaysia Dalam Ringgit (Dari Rancangan Malaysia Ke Tujuh)

Negeri	1990	1995
Johor	1,148	2,111
Kedah	748	1,287
Kelantan	708	1,081
Melaka	1,088	1,861
Selangor	1,659	3,135
Wilayah Persekutuan	1,875	3,515

4. [a] Lukiskan cara perwakilan fenomena geografi berbentuk titik, garisan, dan kawasan dengan menggunakan data model berbentuk vektor dan data model berbentuk raster.

[10 markah]

- [b] Huraikan kesan perbezaan saiz sel terhadap data yang diwakilkan dengan menggunakan model data raster.

[10 markah]


- [c] Huraikan perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan dalam mengintegrasikan pelbagai jenis dan sumber data ?

[5 markah]

Nombor Angka Giliran:.....


Nombor Tempat Duduk:.....

Rajah 1: [Untuk Soalan 2 (b)]



Nombor Angka Giliran:..... Nombor Tempat Duduk:.....

Rajah 2 [Untuk Soalan 2 (d)]



Nombor Angka Giliran:..... Nombor Tempat Duduk:.....

Rajah 3 (Untuk Soalan 3 [a])